



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1482

AKTA PERBEKALAN TAMBAHAN (2014) 2015

Tarikh Perkenan Diraja 6 Mei 2015

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 4 Jun 2015

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1482

AKTA PERBEKALAN TAMBAHAN (2014) 2015

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2014) 2015.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2014

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dua bilion dua ratus dua puluh tiga juta lima ratus dua puluh ribu tiga ratus sepuluh ringgit (RM2,223,520,310) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2014 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2014 [*Akta A1458*].

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	287,034,800
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,246,530,700
B. 13	Kementerian Luar Negeri	26,833,300
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	10
B. 32	Kementerian Wilayah Persekutuan	34,375,700
B. 41	Kementerian Pendidikan	428,022,300
B. 42	Kementerian Kesihatan	200,723,500
JUMLAH		<u>2,223,520,310</u>